



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN
TARIKH	:	26/4/2019
JABATAN	:	AIR SELANGOR
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

'Syukur bekalan air sudah pulih'

Insiden bekalan air terputus tidak akan berlaku dalam tempoh lama

AZIE YAHAYA

KLANG

Penduduk sekitar Klang lega apabila gangguan bekalan air susulan kerja penambahbaikan perkakasan kritikal sistem bekalan elektrik di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRA SSP2) bermula kelmarin, kini beransur pulih. Peniaga Gerai Makanan MPK Taman Pendamar Indah, **Norizam Che Mat**,

59, berkata, dia bersyukur apabila mendapati bekalan air kembali pulih, semalam. "Bekalan air terputus jam 9 pagi kelmarin tapi mak cik sudah simpan air dua hari lepas selepas menerima maklumat mengenai gangguan air.

"Mak cik tak tutup gerai sebab memang dah buat persiapan awal-awal. Air yang mak cik simpan pun masih ada lagi," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*, semalam.

"Kalau ikutkan maklumat gangguan bekalan air itu, kerja-kerja penambahbaikan mengambil masa lebih dua hari.

"Tapi alhamdulillah, bila mak cik buka paip di gerai pagi semalam, air sudah ada," katanya. Bagi Siak Surau Sablil



Norizam gembira bekalan air di gerainya di Taman Pendamar Indah, sudah pulih pagi semalam.

Huda, **Mohd Yatim Omar**, 64, berkata, pinaknya menyediakan kolah penyimpanan air untuk kegunaan kariah surau terbabit. "Memang pihak surau

sudah bersiap sedia awal-awal lagi bila dapat tahu bekalan air akan mengalami gangguan.

"Jadi kami sediakan kolam besar yang mampu bertahan selama empat hari untuk kegunaan kariah surau.

"Pagi semalam, saya dapati bekalan air sudah pulih dan lega sebab kerja-kerja terbabit siap lebih awal," katanya. Penduduk, **Azura Halim**, 23, berkata, dia lega apabila bekalan air pulih seperti biasa. "Memang saya ada menadah air tapi kena berjimat cermat takut cepat habis. Tapi bila air dah ada ketika buka pili, saya gembira sebab bekalan air sudah pulih. "Harap selepas ini tiada lagi gangguan air seperti ini," katanya. Tinjauan di sekitar pili awam yang disediakan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) di Masjid Ar-Rahimah, Sri Andalas juga didapati lenggang. Gangguan bekalan air turut berlaku di Kuala Lumpur, Petaling, Gombak, Kuala Langat dan Kuala Selangor.